

Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad

AZMAN BIN MOHD NOOR
MOHAMAD SABRI BIN ZAKARIA

Abstrak

Takaful ialah alternatif kepada insurans konvensional yang haram kerana mengandungi unsur-unsur riba, gharar, dan perjudian. Takaful yang berteraskan *tabarru'* tidak selamat daripada kritikan-kritikan antaranya, ia banyak menyerupai insurans biasa daripada segi penjualan polisi perlindungan, pengurusan dana dan juga sebagai sebuah entiti perniagaan yang bertujuan mengaut keuntungan. Peserta takaful juga bukan sahaja bertujuan untuk menyumbang dan mendapatkan perlindungan, tetapi juga berminat untuk membuat pelaburan. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji konsep akad yang digunakan dalam takaful dan kesan-kesannya menurut perspektif fiqh.

Abstract

Takaful is an alternative to the conventional insurance which is prohibited because of elements of usury, uncertainty, and gambling. Takaful which is based on tabarru' is not free from criticisms of being a carbon copy of conventional insurances because of general similarities in terms of selling the protection policy, management of the fund as well as being a profit making business entity. The takaful participants at the same time do not mean to get protection alone, but also aim at making investment. This paper aims at investigating the syariah concepts of the contracts used and its effects from fiqh perspective.

Definisi dan pengenalan

Makna takaful dari segi istilah ialah: penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratan yang berlaku terhadap salah seorang ahli peserta dengan cara membayar pampasan yang munasabah kepada ahli yang ditimpa kemudaratan melalui wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta yang dibayar secara ansuran.¹

Takaful sebagaimana yang didefinisikan oleh standard Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institution (AAOIFI) melibatkan persepakatan antara sekumpulan individu (peserta) bagi tujuan mendapatkan perlindungan (pampasan) daripada kemudaratan/risiko tertentu dengan memberi sumbangan berdasarkan kaedah *iltizam bi al-tabarru'* (beriltizam untuk melakukan *tabarru'*) sehingga terbentuk dengannya satu tabung (takaful) yang memiliki *shakhsiyah i'tibariyyah* (satu entiti khas dari segi undang-undang) yang memiliki hak dan tanggungjawab (kewangan) sendiri dan bersedia membayar tuntutan pampasan kepada peserta yang mengalami kemudaratan.²

Skim ini berasaskan akad *tabarru'* (sumbangan kebajikan) dan *ta'awun* (kerjasama dan tolong-menolong) di mana para peserta memberi sumbangan ke dalam satu tabung khas yang akan digunakan bagi tujuan menolong peserta yang ditimpa musibah.³

Konsep dan matlamat takaful

Takaful mempunyai matlamat yang sama dengan insurans konvensional iaitu menyediakan khidmat untuk para pemegang polisi atau para peserta. Apa yang membezakan antara keduanya ialah konsep yang digunakan bagi mencapai tujuan tersebut. Dalam hal ini, takaful menggunakan konsep kerjasama yang dibenarkan oleh syarak berasaskan kontrak *tabarru'* dan *ta'awun* sebagaimana dinyatakan di atas. Konsep ini bebas daripada sebarang elemen yang bercanggah dengan hukum muamalat Islam seperti gharar, riba, perjudian dan elemen lain. Dana takaful yang dibentuk daripada sumbangan para peserta (pemegang polisi) berasaskan kontrak *tabarru'* akan digunakan bagi menyelamatkan setiap peserta takaful daripada kecelakaan atau musibah yang menimpa. Sebarang lebihan yang berbaki selepas pembayaran pampasan, perbelanjaan, dan

pemotongan untuk rizab akan dipulangkan kepada para peserta menurut kadar sumbangan masing-masing.⁴

Konsep takaful ini sememangnya merupakan suatu konsep yang diiktiraf oleh Islam. Bahkan praktisnya pernah berlaku di zaman Rasulullah SAW. Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa *qabilah Asy'ariyyin* apabila mengalami kehabisan bekalan makanan dalam peperangan atau apabila mereka kekurangan bekalan ketika di Madinah, mereka mengumpulkan semua bekalan yang tinggal dalam satu kain, kemudian membahagikannya sama rata sesama mereka. Rasulullah berkata: "Mereka ialah rakan aku dan aku ialah rakan mereka".⁵ Peristiwa ini boleh dijadikan sandaran untuk menyokong penubuhan tabung atau dana takaful bersasaskan konsep *tabarru'* dan kerjasama (*ta'awun*) di antara para peserta. Penubuhan tabung tersebut tidak harus bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi hendaklah berasaskan konsep *tabarru'* untuk tujuan tolong-menolong sebagaimana difahami secara jelas daripada hadis tersebut.

Takaful: antara *tabarru'* dan *mu'awadhbah*

Apa yang berlaku apabila peserta takaful membuat sumbangan/bayaran kepada syarikat takaful ialah seolah-olah dia membeli polisi perlindungan. Dengan kata lain berlaku pertukaran antara carumannya RM100 sebulan dengan sijil takaful yang menjanjikan perlindungan yang bernilai RM50,000. *Tabarru'* yang dibuat kelihatan sama dengan *mu'awadhbah*, sedangkan *mu'awadhbah* adalah berlainan konsep dan syaratnya berbanding dengan *tabarru'*.

Untuk menjelaskan permasalahan ini, perlulah kita mengetahui perbezaan di antara *tabarru'* dan *mu'awadhbah*.

Kontrak *tabarru'* adalah kontrak yang melibatkan pemindahan hak milik kepada pemilik baru tanpa sebarang bayaran atau pampasan seperti hibah, sumbangan kebajikan, derma, wasiat, dan wakaf. Spesifikasi *tabarru'* adalah seperti berikut:

- a. Asas kontrak *tabarru'* ialah tolak ansur dan memberi maaf. Nilai gantian wajar tidak diperlukan. Secara amnya, ia bermaksud membelanjakan harta tanpa mendapat balasan/ganjaran dunia. Oleh itu, kesamaran yang keterlaluan atau

jalah tidak mencacatkan kesahihan transaksi yang berlaku kerana ia tidak membawa kepada perbalahan. Fuqaha telah menyebut satu kaedah fiqhiyyah iaitu: ‘terdapat perkara yang dibenarkan (dimaafkan) dalam *tabarru’* tetapi tidak dibenarkan (dimaafkan) dalam *mu’awadhhah*'.⁶

- b. Seperti yang disepakati oleh majoriti fuqaha, kontrak *tabarru’* akan dikira mengikat hanya selepas berlakunya penyerahan.
- c. Unsur jalah atau ketidakpastian ialah dibenarkan kerana ia melibatkan pemindahan hak milik tanpa sebarang bayaran gantian.

Kontrak mu’awadhhah pula merujuk kepada kontrak yang melibatkan penukaran dua nilai atau pampasan. Spesifikasi *mu’awadhhah* adalah seperti berikut:

- a. Syarat umum *mu’awadhhah* ialah kedua-dua pihak memperoleh keuntungan dan tiada pihak menanggung kerugian mengikut adat, selagi mana kontrak tersebut dilakukan atas dasar reda dan persetujuan kedua-dua belah pihak.
- b. Transaksi *mu’awadhhah* boleh melibatkan keuntungan atau kerugian.
- c. Kontrak hanya boleh dilakukan pada benda yang mempunyai nilai dan wujud semasa pemeteraian kontrak.
- d. Sifat dan perkara yang berkaitan dengan kontrak *mu’awadhhah* perlu diketahui bagi memastikan transaksi yang berlaku sah dan terjamin.
- e. Penerimaan pampasan dan pemberian sumbangan tidak boleh digabungkan bersama-sama dalam pelaksanaan kontrak *mu’awadhhah* jika sumbangan tersebut sendiri bergantung dan termasuk dalam kontrak. Alasannya adalah kerana kedua-dua *tabarru’* dan *mu’awadhhah* mempunyai kesan-kesan kontrak dan syarat-syarat sah yang berbeza.
- f. *Mu’awadhhah* boleh melibatkan penukaran antara barang dengan barang, barang dengan wang, atau perkhidmatan dengan wang (*ijarah* atau sewa/upah).⁷

Melihat kepada konsep takaful dan membandingkannya dengan *tabarru'* dan *mu'awadhbah*, penulis berpendapat ia lebih menepati konsep *tabarru'*. Professor Dr. Ali Qurrah Daghi berpendapat bahawa takaful atau *taa'min ta'awuni* (insurans kerjasama iaitu istilah yang digunakan oleh beliau) lebih hampir kepada konsep *tabarru'* dan *ta'awun* daripada konsep hibah dengan syarat balasan (الهبة بشرط الثواب).⁸

Pendapat yang menganggap takaful sebagai kontrak *tabarru'* disokong oleh fakta bahawa syarikat takaful tidak memiliki secara mutlak bayaran ansuran yang disumbangkan oleh peserta. Bayaran pampasan yang akan dibayar kepada peserta yang ditimpa musibah tidak boleh dianggap sebagai bayaran timbal balas untuk memiliki bayaran ansuran sumbangan peserta. Pada hakikatnya bayaran ansuran tersebut dihulurkan kepada dana atau tabung takaful yang dikumpulkan untuk kemaslahatan para peserta apabila ditimpa musibah. Jika terdapat lebihan daripada tabung tersebut ianya dikembalikan kepada mereka, atau pun dikumpul dan diinfakkan bagi tujuan amal kebajikan.

***Tabarru'* dan *iltizam bi al-tabarru'* (komitmen untuk melakukan *tabarru'*)**

Sama ada takaful itu berasaskan *tabarru'* atau *iltizam bi tabarru'*, ia bukanlah merupakan suatu yang perkara yang membawa kesan besar ke atas takaful. Apa yang penting adalah dengan wujudnya elemen *tabarru'* sehingga dapat dibezakan takaful daripada insurans konvensional yang bersasarkan *mu'awadhbah*. Pun begitu, terdapat ulama kontemporari yang membezakan antara *tabarru'* dan *iltizam bi al-tabarru'* yang berlaku dalam takaful. Mereka berpendapat bahawa hubungan antara tabung dan penerima pampasan atau manfaat takaful adalah dengan berasaskan *tabarru'*. Manakala, hubungan antara peserta yang memberi sumbangan ke dalam dana takaful adalah dengan berasaskan *iltizam bi al-tabarru'*. Dalam erti kata lain, dana takaful disumbangkan atas dasar *tabarru'* kepada peserta yang ditimpa musibah. Kesemua peserta pula beriltizam atau memberi komitmen berterusan menyumbang *tabarru'* kepada tabung takaful dalam tempoh waktu tertentu. Kalau mereka gagal melaksanakan komitmen untuk memberi sumbangan kepada tabung takaful, penyertaan mereka dalam skim takaful terbatal dan mereka tidak layak mendapat perlindungan takaful.

Persoalannya di sini, kenapa para peserta dimestikan memberi sumbangan sedangkan *tabarru'* sepatutnya berlaku secara sukarela?

Isu ini sebenarnya telah dibicarakan oleh para ulama Islam terdahulu dalam khazanah ilmu peninggalan mereka. Al-Hattab, salah seorang ulama mazhab Maliki yang terkemuka telah menyentuh isu ini dalam kitabnya *Tahrir al-kalam fi masail al-iltizam*. Ia merupakan iltizam tidak bersyarat iaitu seseorang mewajibkan ke atas dirinya sesuatu yang *ma'ruf* (kebijakan) tanpa meletakkan sebarang syarat seperti sedekah, hibah dan wakaf, pinjaman, sumbangan dan syarat-syarat lain. Beliau berkata: "Pembuat *iltizam* diwajibkan menunaikan *iltizamnya* selagi mana dia tidak muflis, meninggal dunia, atau sakit yang membawa kepada mati, sekiranya dia beriltizam menunaikannya terhadap orang yang tertentu. Aku tidak mendapati apa-apa khilaf dalam perkara ini, kecuali ada pendapat yang mengatakan bahawa hibah tidak menjadi lazim dengan hanya kata-kata. Ini adalah khilaf yang masyhur dalam mazhab."

Kemudian al-Hattab memetik daripada Ibn Rushd: "Dia telah mewajibkan perkara tersebut ke atas dirinya, dan yang masyhur dalam mazhab Maliki perkara itu menjadi wajib ke atasnya selagi mana dia tidak muflis atau mati".⁹

Dalam takaful, para peserta beriltizam atau berjanji pada diri masing-masing untuk melakukan *tabarru'*. Mereka merupakan *multazim* (pembuat komitmen) yang berjanji untuk menyumbang ke dalam tabung takaful. Berdasarkan kepada apa yang diinsuranskan berserta syarat-syaratnya, bayaran pampasan daripada tabung itu akan diberi kepada *multazam lahu* (penerima komitmen) yang ditimpa musibah tanpa ada pengecualian. Mereka merupakan sekumpulan peserta yang memiliki dana takaful tersebut secara tabungan bersama.

Iltizam ini ialah *iltizam* menanggung bahagian yang dibayar untuk penyertaan. Ia tidak bersyarat dan dikira terlaksana setelah selesai membuat penyertaan ke dalam skim takaful. Lafaz akad atau sighah yang digunakan adalah dengan cara bertulis dan mempunyai kesan hukum yang sama dengan kata-kata.

Tabarru': asas yang membezakan antara takaful dan insurans konvensional

Berdasarkan realiti takaful berasaskan konsep *tabarru'* sebagaimana dinyatakan di atas, maka sebarang gharar yang terdapat padanya dimaafkan. Ini kerana gharar yang tidak dimaafkan ialah yang berlaku dalam akad *mu'awadah*. Fuqaha telah menyebut satu kaedah fiqhiiyah iaitu: ‘terdapat perkara yang dibenarkan (dimaafkan) dalam *tabarru'* tetapi tidak dibenarkan (dimaafkan) dalam *mu'awadhhah*'.¹⁰

Inilah yang membezakan antara takaful dan insurans konvensional. Dalam takaful yang berkonsepkan kontrak *tabarru'*, gharar yang dikatakan berlaku adalah antara peserta itu sendiri. Mereka ialah satu entiti yang berusaha merealisasikan maslahah dan kepentingan bersama. Sedangkan dalam insurans konvensional pula yang berasaskan konsep *mu'awadhhah*, gharar yang wujud adalah antara peserta dan syarikat. Kedua-duanya merupakan entiti yang berlainan dan mempunyai maslahah kepentingan yang saling bertentangan antara satu sama lain.

Ta'widhat (bayaran pampasan/manfaat takaful) merupakan *tabarru'*

Pampasan atau manfaat takaful yang dibayar daripada dana takaful kepada peserta yang ditimpa musibah merupakan sumbangan *tabarru'* semata-mata. Ia bukanlah bayaran timbal balik atau balasan yang terdapat dalam akad *mu'awadhhah*. Adalah jelas dalam konsep takaful bahawa pihak yang memberi dan menerima sumbangan ialah entiti yang sama. Para peserta yang menyertai tabung takaful saling bertabarru' dan memberi sumbangan antara satu sama lain.

Abd Sattar Abu Ghuddah menjustifikasi hujah yang cukup bernalas dalam hal ini. Beliau berpandangan bahawa bayaran pampasan atau manfaat takaful yang dibuat oleh tabung takaful kepada peserta yang ditimpa kemalangan mesti diklasifikasikan sebagai *tabarru'* semata-mata. Pampasan ini disumbangkan atau ditabarru'kan kepada peserta apabila berlakunya kecelakaan atau musibah. Manakala sumbangan atau caruman peserta ke dalam tabung *tabarru'* adalah dengan berasaskan konsep *iltizam bi al tabarru'*.

Konsep ini tidak boleh dianggap sebagai menyerupai kontrak *mu'awadhab* kerana tidak berlaku pertukaran dua aset secara langsung. Seorang peserta yang menyumbang ke dalam tabung takaful berkemungkinan akan membuat tuntutan pampasan atau berkemungkinan sebaliknya.¹¹ Ini kerana kewujudan bayaran pampasan atau manfaat takaful belum dapat dipastikan kerana ia berkait rapat dengan kewujudan musibah atau risiko yang diinsuranskan. Oleh itu, bayaran pampasan atau manfaat takaful ini bukanlah bayaran balasan atau gantian kepada sumbangan ke dalam tabung takaful tetapi ia merupakan *tabarru'* semata-mata.

Atas sifatnya sebagai *tabarru'* semata-mata, bayaran pampasan ini tidak menjadikan takaful sebagai akad *mu'awadhab* seperti insurans konvensional. Begitu juga perbezaan yang wujud antara nilai bayaran pampasan dan nilai sumbangan penyertaan telah membezakan takaful daripada hibah dengan syarat balasan (الهبة بشرط الشفاب). Perlu ditegaskan bahawa dalam hibah, nilai balasan mestilah sama dengan nilai hibah. Ini sekaligus menolak pendapat sebahagian ulama kontemporari yang menganggap takaful ialah hibah dengan syarat balasan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Oleh sebab ia bukan hibah bersyarat balasan, maka isu penerimaan manfaat yang tidak semestinya sama dengan kadar caruman bulanan adalah tidak bercanggah dengan syariat.

Lebihan tabung takaful yang dikembalikan semula kepada peserta-peserta takaful selepas bayaran pampasan, perbelanjaan, komisen, dan pembentukan rizab tidak boleh dianggap suatu perkara terkutuk. Ini kerana menurut jumhur ulama dari mazhab Syafi'i, Hanafi dan Hanbali *qabad*, pemegang penerima *tabarru'* ke atas barang yang diberikan ialah syarat sah *tabarru'* tersebut. Dalam kes takaful *qabad* hanya berlaku apabila bayaran pampasan dibuat dan diterima oleh penama. Perkara ini boleh juga dijustifikasikan atas hujah bahawa sebelum bayaran atas pampasan dibuat, ia adalah *iltizam* daripada peserta untuk *tabarru'* dan *tabarru'* yang sebenar hanya berlaku semasa bayaran pampasan dibuat.

Takaful berdasarkan prinsip wakaf

Takaful berdasarkan prinsip wakaf telah digunakan di Pakistan dan juga Afrika Selatan. Berdasarkan konsep ini pewakaf mewakafkan hartanya

dalam bentuk menjadikannya sebagai sumber hasil yang ditetapkan tujuan perbelanjaannya. Ia juga menggunakan prinsip sumbangan terhadap harta wakaf yang tidak dikira sebagai wakaf. Sumbangan terhadap wakaf ini adalah untuk mengganti sumbangan yang dilakukan dengan penyertaan.

Sebarang bantuan yang diperoleh oleh peserta skim yang ditimpa musibah adalah daripada sumber wakaf berdasarkan tujuan wakafnya. Pembayaran ini adalah daripada hasil wakaf dan wang yang disumbangkan ke atas harta wakaf tersebut.

Pembentukan takaful berdasarkan wakaf bergantung pada beberapa perkara berkaitan hukum wakaf, secara ringkasnya seperti berikut:

- a. Wakaf wang: Dihukumkan harus seperti yang disepakati oleh majoriti ulama iaitu fuqaha mazhab Hanafi, Maliki, dan sebahagian fuqaha mazhab Hanbali. Ia diwakafkan secara *mudharabah*, dan keuntungan yang terhasil dibelanjakan ke atas orang yang diwakafkan untuk mereka, mengikut syarat-syarat wakaf. Ia juga boleh diwakafkan untuk tujuan memberi hutang.¹²
- b. Pewakaf berhak mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan jika ia ialah wakaf am, atau dia mensyaratkan bahawa dia berhak mengambil manfaat daripadanya bersama-sama orang lain. Ini dihujahkan dengan perbuatan Uthman r.a. yang telah mewakafkan Telaga *al-rumah* dan mensyaratkan bahawa baldinya dijadikan baldi seluruh umat Islam.¹³
- c. Sebarang sumbangan yang disumbangkan kepada harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf. Ianya dibelanjakan ke atas orang-orang yang harta itu diwakafkan untuk mereka, serta untuk maslahah harta wakaf tersebut.¹⁴
- d. Wakaf mesti dilakukan untuk pihak yang wujud secara berterusan, dan ini disepakati oleh fuqaha.¹⁵

Modus operandi takaful berdasarkan prinsip wakaf¹⁶

- a. Syarikat takaful menubuhkan satu tabung wakaf. Sebahagian daripada modal syarikat diwakafkan untuk peserta-peserta yang

ditimpa musibah mengikut peraturan-peraturan penggunaan dana. Ini berkonsepkan wakaf wang yang harus mengikut hukum syarak. Jumlah wang yang diwakafkan ini, dilaburkan berasaskan konsep *mudharabah* di mana keuntungannya dimasukkan ke dalam tabung khas untuk tujuan pelaksanaan matlamat-matlamat wakaf.

- b. Dana takaful tidak dimiliki oleh mana-mana pihak. Dana itu sendiri merupakan satu entiti yang sah di sisi undang-undang yang memungkinkannya memiliki harta dan melakukan pelaburan serta memberi pemilikan kepada orang lain berdasarkan peraturan yang ditetapkan.
- c. Sebarang pihak yang inginkan perlindungan takaful boleh menyertai keanggotaan dana dengan cara melakukan sumbangan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- d. Sebarang sumbangan daripada peserta menjadi milik dana wakaf. Sumbangan itu bukanlah harta wakaf, tetapi dianggap hak milik sumber wakaf. Oleh itu, jumlah sumbangan tersebut tidak wajib disimpan sebagaimana wang wakaf. Ia dilaburkan untuk maslahah dana, dan dibelanjakan bersama-sama dengan keuntungan untuk pembayaran pampasan dan tujuan-tujuan wakaf yang lain.
- e. Penetapan syarat-syarat berkaitan hak peserta untuk mendapat pampasan dan jumlah bayaran penyertaan (sumbangan) untuk setiap jenis insurans ditentukan oleh peraturan dana. Ia juga boleh ditentukan melalui penilaian aktuari seperti yang diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional.
- f. Sebarang pampasan yang diperoleh oleh para peserta bukanlah bayaran balasan terhadap sumbangan mereka. Pampasan itu merupakan pemberian khas daripada dana wakaf kerana mereka tergolong dalam golongan yang diwakafkan untuk mereka seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat wakaf. Adalah jelas di sudut hukum bahawa pewakaf berhak mengambil manfaat daripada sumber wakaf jika dia termasuk dalam golongan yang diwakafkan untuknya. Pengambilan manfaat wakaf ini bukanlah bayaran ganti kepada wakaf yang dilakukannya.
- g. Dana wakaf mempunyai hak mutlak ke atas harta dalam dana mengikut syarat yang telah ditetapkan dalam peraturan dana. Dana

wakaf mengandungi semua harta tersebut yang terdiri daripada keuntungan wang wakaf dan sumbangan yang dibuat oleh peserta bersama keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan. Dana berhak menentukan kedudukan lebihan dana yang berlaku iaitu sama ada dikekalkan di dalam dana sebagai rizab untuk defisit yang mungkin berlaku pada tahun-tahun hadapan atau dibahagikan keseluruhan lebihan atau sebahagian daripadanya kepada para peserta. Lebihan itu dibahagikan kepada tiga bahagian: satu bahagian dikekalkan sebagai rizab, satu bahagian dibahagikan kepada para peserta, dan satu bahagian dibelanjakan untuk tujuan kebajikan bagi menzahirkan ciri-ciri dana wakaf.

Model-model takaful

Sekalipun pada asasnya takaful berasaskan kontrak *tabarru'*, tetapi beberapa jenis kontrak lain diaplikasikan untuk menyelaras hubungan antara peserta dan operator takaful. Kontrak yang paling biasa digunakan ialah kontrak *wakalah*, *mudharabah*, atau gabungan kedua-duanya.¹⁷

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara¹⁸ telah membuat satu resolusi bahawa kontrak takaful secara umumnya berasaskan prinsip syariah iaitu *tabarru'* dan *ta'awun*, selain daripada perjanjian yang dimeterai pihak yang menyertai kontrak. Dalam mewujudkan produk takaful, prinsip *tabarru'* ialah prinsip yang paling utama, sungguhpun prinsip lain seperti *wakalah* dan *mudharabah* juga dijadikan pelengkap kepada struktur asas tersebut.

Model wakalah

Wakalah ialah melantik atau memberikan amanah kepada seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas, yang mengikut undang-undang boleh diberikan kepada orang lain. Di bawah model ini, hubungan asas wakil digunakan untuk aktiviti penajaan jaminan (*underwriting*) dan pelaburan. Dalam penajaan jaminan, operator takaful bertindak sebagai wakil kepada peserta-peserta untuk mengendalikan dana takaful. Semua risiko ditanggung oleh dana dan lebihan kendalian dimiliki sepenuhnya oleh peserta. Operator takaful tidak terlibat dalam risiko yang ditanggung oleh dana dan tidak berhak ke atas sebarang lebihan

dana. Sebaliknya, operator menerima bayaran tetap yang dipanggil upah wakil kerana menguruskan operasi bagi pihak peserta, yang biasanya berdasarkan peratusan sumbangan yang dibuat. Walaupun begitu, ganjaran kepada operator mungkin melibatkan ganjaran prestasi yang dicaj ke atas lebihan, sebagai insentif kepada pengurusan dana takaful yang efektif. Dana pelaburan takaful juga berasaskan kontrak wakalah bi ajr di mana operator mengenakan bayaran tertentu terhadap peserta untuk perkhidmatan yang ditawarkan.

Model *mudharabah*

Dalam model *mudharabah*, operator takaful bertindak sebagai *mudharib* (usahawan) dan peserta sebagai pemodal. Kontrak ini menjelaskan bagaimana keuntungan pelaburan dan lebihan daripada operasi takaful dibahagikan antara operator takaful dan peserta. Kerugian ditanggung sepenuhnya oleh peserta sebagai pemodal dengan syarat tiada salah laku atau kecuaian daripada pihak operator. Sekiranya terdapat kecuaian atau salah laku daripada operator maka dia tidak layak menerima sebarang bayaran atau pampasan atas usahanya.¹⁹

Mengikut prinsip ini, operator takaful akan menerima bayaran ansuran takaful atau sumbangan takaful (modal kepada *mudharabah*) daripada para pelabur atau penyumbang modal ataupun dana daripada peserta-peserta takaful. Kontrak ini menjelaskan bagaimana lebihan tajaan jaminan sepatutnya dibahagikan mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui mengikut prinsip *mudharabah*, antara penyumbang modal dan operator takaful. Oleh itu, operasi ini boleh dianggap sebagai usaha perniagaan yang melibatkan perkongsian keuntungan antara operator takaful dan peserta.

Struktur ini bercanggah dengan piawaian AAOIFI berkenaan takaful. Percanggahan wujud dalam pembahagian lebihan dana *tabarru'* kerana lebihan tersebut sebenarnya ialah baki modal dan bukannya keuntungan terkumpul.²⁰ Sesetengah ulama kontemporari yang membenarkan perkongsian lebihan antara pemegang polisi dan operator takaful menganggapnya sebagai *ju'alah* (komisen) untuk kecemerlangan prestasi pengurusan.²¹

Persamaan dan perbezaan antara model wakalah dan mudharabah

Terdapat dua persamaan utama seperti berikut:

- a. *Mudharib* selain dianggap sebagai rakan kongsi juga dianggap sebagai wakil. Oleh itu dalam kedua-dua jenis pelaburan, pemilik dana atau pemodal tidak akan mengurus sendiri perniagaan, tetapi memberikan kuasa mengurus kepada operator takaful sebagai ejen atau usahawan.
- b. Bayaran untuk pengurusan dana dan juga *ju'alah* ditetapkan sejak dari awal. Begitu juga dalam *mudharabah*, nisbah perkongsian keuntungan perlu dipersetujui terlebih dahulu.

Perbezaan antara kedua-dua jenis model ini ialah ketiadaan nisbah perkongsian keuntungan dalam model *wakalah*. Manakala dalam model *mudharabah*, *mudharib* berkongsi untung dengan pemodal dan ia hanya akan mendapat keuntungan jika pelaburan itu menghasilkan keuntungan. Dalam model *wakalah*, pengurus dana atau operator takaful berhak menerima bayaran khidmat pengurusan dana dalam apa jua keadaan sama ada prestasi dana memberangsangkan atau pun tidak. Tetapi dalam model *mudharabah*, *mudharib* iaitu operator takaful tidak berhak mengaut keuntungan daripada pelaburan, kecuali jika terdapat *ju'alah* yang telah ditetapkan terlebih dahulu sebagaimana yang dipersetujui oleh sebahagian ulama.

Model gabungan antara *wakalah* dan *mudharabah*

Dalam model ini, kontrak *wakalah* digunakan untuk aktiviti tajaan jaminan, dan kontrak *mudharabah* pula digunakan untuk aktiviti pelaburan dana takaful. Pendekatan ini nampaknya digemari oleh sesetengah organisasi antarabangsa dan digunakan secara meluas oleh industri takaful.

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa operator takaful yang telah biasa menggunakan model *mudharabah* telah beralih ke model *wakalah*. Gabungan ini berlaku pada tahap pengurusan dana apabila operator takaful bertindak sebagai ejen kepada peserta untuk mengurus dana, dan pada tahap pelaburan ia bertindak sebagai *mudharib*. Sebagai

mudharib pihak pengurusan berhak berkongsi keuntungan daripada pulangan pelaburan.

Model *wadi'ah*

Ada cadangan menggunakan model *wadi'ah* sebagai konsep asas takaful. Sumbangan premium dianggap sebagai simpanan *wadi'ah* setiap peserta. Cadangan ini kononnya boleh menyelesaikan masalah pembahagian *underwriting surplus* di mana peserta berhak mendapat balik baki simpanan *wadi'ahnya* setelah ditolak keseluruhan tuntutan (*claims*). Cadangan menggunakan model *wadi'ah* ini banyak mendapat kritikan daripada pakar-pakar fiqh muamalat semasa. Antara lain, isu lebih ataupun *surplus* yang diberikan balik kepada peserta/pemegang polisi tidak dilarang oleh badan-badan fiqh antrabangsa seperti AAOIFI. Apa yang dilarang ialah perkongsian pengendali takaful dengan peserta sama ada dikira untung *mudharabah* atau perkongsian lebihan. Walaupun begitu ada juga badan penasihat syariah yang membenarkan perkongsian lebihan dengan kadar yang berpatutan atas dasar *ju'alah*.

Antara isu syariah yang lain ialah *wadi'ah* yang diberikan ialah *wadia'ah madhmunah* (yang dijamin). Maka ia akan mengambil hukum hutang. Secara tidak langsung ia bercanggah dengan *tabarru'* dan juga dengan konsep pelaburan di mana dalam pelaburan, keuntungan dan modal tidak boleh dijamin. Jaminan keuntungan dan modal menjadikannya sama dengan pinjaman riba. Satu lagi masalah fiqh ialah pengendali takaful mestilah memberi hutang sekiranya tabung *tabarru'* defisit. Ia ialah masalah mensyaratkan manfaat daripada hutang yang dikenali sebagai '*aqriddhi u qridhuk*' bermaksud beri hutang kepadaku (dengan syarat) aku akan berikan hutang kepada kamu.

Takaful sebagai satu perniagaan dan pelaburan

Diperhatikan bahawa banyak kajian yang telah dibuat memberi keutamaan kepada konsep dan struktur asal takaful yang tidak mempunyai unsur pelaburan. Mereka melihat takaful dalam kerangka *tabarru'* atau *iltizam bi al tabarru'*, *ta'awun* dan wakaf. Dalam semua keadaan, peserta takaful terikat untuk membuat sumbangan dan tabung

takaful juga terikat untuk menyediakan perlindungan berdasarkan jumlah manfaat takaful. Jika terdapat lebihan dana, pemegang polisi atau peserta layak mendapat lebihan tersebut. Struktur asal ini bertujuan mewujudkan matlamat sebenar takaful iaitu bekerjasama dan tolong-menolong menghadapi risiko yang berlaku. Tidak ada sebarang tujuan mengaut keuntungan daripada pelaburan dana.

Kini, takaful bukan lagi semata-mata skim kebajikan dan tolong-menolong. Para pengendali takaful berlumba-lumba membuat keuntungan dan mengumumkannya dalam media. Pengurusan industri takaful tidak lagi sama dengan pengurusan wakaf ataupun pengurusan harta anak yatim. Kewujudan kontrak *mu'awadhab* dalam mengambil upah untuk pengurusan dana dan kerja-kerja takaful tidak dapat diketepikan lagi.

Pada masa yang sama, takaful sekarang bukan sahaja terhad kepada menawarkan produk perlindungan, bahkan ia juga menawarkan produk-produk pelaburan. Para peserta takaful berminat untuk membuat pelaburan di samping mendapat manfaat perlindungan. Untuk memperbanyak produk terkini, takaful dirangka untuk menyediakan peluang pelaburan bersama dengan manfaat takaful. Produk-produk yang selalunya berasaskan kontrak *mu'awadhab* seperti *mudharabah* dan *wakalah bi ajr* distrukturkan dalam bentuk sebahagian sumbangan peserta dikhususkan kepada pelaburan dan sebahagian yang lain dikhususkan untuk dana *tabarru'*. Penglibatan kontrak *mu'awadhab* ini di dalam takaful telah mewujudkan beberapa isu syariah untuk dibincangkan. Antara isu tersebut ialah:

I. Penggabungan beberapa akad menjadi satu

Dalam satu produk takaful terdapat beberapa konsep syariah atau akad yang digabungkan seperti *kafalah* (jaminan), *tabarru'*, *mudharabah* dan *wakalah*. Persoalannya, adakah penggabungan ini dibenarkan menurut perspektif fiqh? Apakah kontrak *tabarru'* boleh digabungkan dengan kontrak *mu'awadhab* sedangkan keduanya mempunyai konsep yang berbeza?

Berkaitan isu penggabungan kontrak ini, Rasulullah SAW pernah melarang daripada berlakunya dua transaksi dalam satu pembelian

menurut hadith *safqatain fi safqab*?²² Sungguh pun begitu, tegahan ini tidaklah boleh difahami secara mutlak bahawa sebarang penggabungan akad adalah dilarang. Ini kerana ulama mempunyai perbezaan pentafsiran dalam mentafsirkan hadis ini.²³

Nazih Hammid berpendapat bahawa dua kontrak yang berbeza tidak boleh digabungkan jika:

- a. Terdapat dalil yang jelas melarang perkara tersebut.
- b. Ia digunakan sebagai helah untuk melakukan suatu perkara yang ditegah seperti jual beli ‘*inah*’.
- c. Ia mempunyai sifat dan implikasi perundangan yang berbeza seperti gabungan antara jualan dengan pemberian pinjaman (*bay’ wa qard*), atau perkongsian dengan jualan (*musyarakah wa bay’*) dan sifat-sifat lain.

Sungguhpun begitu, jika kedua kontrak tidak berbeza atau bercanggah antara satu sama lain seperti penggabungan antara jualan dan hibah, atau pajakan dan hadiah, maka ianya dibenarkan.²⁴ Pendapat Nazih Hammid ini menepati pandangan Ibn Taymiyyah yang memberi komentar berkaitan hadis di atas. Ibn Taymiyyah menjelaskan: “Makna hadis secara umumnya melarang digabungkan bersama *mu’awadhab* dan *tabarru’*. Ini kerana *tabarru’* itu telah digunakan untuk tujuan *mu’awadhab*. Ia bukan lagi *tabarru’* semata-mata tetapi telah menjadi sebahagian daripada bayaran pertukaran (‘*iwad*’). Jika (kedua-dua orang yang berakad itu) bersetuju untuk menganggap bahawa *tabarru’* itu bukan bayaran pertukaran maka sesungguhnya kedua-duanya telah menggabungkan dua perkara yang berlawanan”.²⁵

Melihat kepada akad yang digunakan dalam takaful, dapatlah dirumuskan bahawa ia ialah satu bentuk kontrak baru yang melibatkan *tabarru’* antara para peserta takaful dan akad *mu’awadhab*’ di antara peserta takaful dangan operator takaful yang menguruskan dana *tabarru’* serta tugasan yang berkaitan. Sungguhpun nampaknya seperti ada unsur gabungan dua bentuk akad yang berlainan konsep dengan tujuan dalam operasi takaful, tetapi daripada operasi takaful, pemeteraian kontrak *mu’awadhab*

dan *tabarru'* berlaku antara dua peringkat pelaku kontrak yang berlainan iaitu pertamanya antara para peserta sesama mereka yang melibatkan kontrak *tabarru'* dan keduanya antara peserta dan operator takaful yang melibatkan kontrak *mu'awadhab*. Apa yang berlaku dalam takaful juga, bukanlah suatu helah untuk menghalalkan riba seperti *bay' al-'inah* dan riba lain.

Untuk mengelakkan timbulnya sebarang keraguan berkaitan isu penyatuan dua kontrak yang berlawanan, adalah dengan ini dicadangkan supaya terdapat satu Perjanjian Asas Takaful (*Takaful Master Agreement*) yang membezakan kontrak *tabarru'* dan *mu'awadhab* yang terdiri daripada *mudhrabah* atau *wakalah bi al istithmar* secara jelas. Perlu disebutkan di sini bahawa dalam sesetengah borang permohonan takaful, hanya akad *tabarru'* sahaja yang disertakan. Dicadangkan di sini supaya bersama-sama dengan akad *tabarru'* tersebut, disertakan juga akad *mudhrabah* atau *wakalah bi al istithmar* yang ditandatangani secara berasingan. Jika sebahagian besar sumbangan adalah untuk pelaburan sebagaimana yang ditawarkan oleh *investment-linked* takaful, maka mudharabah atau *wakalah bi al istithmar* patut menjadi kontrak asas manakala *tabarru'* pula sebagai kontrak tambahan.

II. Hubungan kontrak

Hubungan kontrak antara para peserta, operator takaful dan pengurus tabung dalam kes (*outsource*) untuk menjana pendapatan melalui pihak ketiga perlulah dijelaskan kepada peserta. Penjelasan ini turut melibatkan jumlah bayaran yang dikenakan, jumlah bayaran yang diperoleh oleh ejen takaful, jumlah bayaran yang diperoleh oleh operator takaful, dan jumlah caj yang dikenakan oleh pengurus tabung pelaburan ataupun *investment link*. Kesemuanya mestilah dinyatakan secara jelas.

Kebanyakan peserta takaful yang juga merupakan pelabur tidak mengetahui apakah jenis kontrak yang mengikat mereka dengan operator takaful atau pihak ketiga iaitu pengurus tabung *tabarru'*. Kalau dilihat dari sudut hubungan antara peserta takaful dengan operator takaful, kontrak yang mengikat mereka ialah kontrak

mu'Èwàlah bersasaskan *wakalah bi ajr*.²⁶ Operator takaful mengurus dana sebagai wakil yang dilantik oleh para peserta. Memandangkan penyerahan tabung ini kepadanya berasaskan pegangan dengan jaminan (*yad al-amanah*), operator takaful mestilah bertanggungjawab atas sebarang kecuaian yang berlaku. Para peserta harus mengetahui hal ini supaya dapat dipastikan tidak berlaku sebarang salah laku pihak operator.

III. Upah Yang Dikenakan Mestilah Diketahui

Upah yang timbul daripada *wakalah bi ajr* mestilah diketahui secara jelas. Dalam kes takaful, upah diambil daripada peserta dalam bentuk yuran bagi kedua-dua tabung pelaburan dan tabung *tabarru'*. Tuntutan kejelasan upah dalam wakalah dijustifikasi dengan syarat yang dituntut berkaitan kuantiti tugas atau kerja yang perlu dilakukan di dalam wakalah. Sebagaimana kuantiti tugas atau kerja mestilah diketahui, maka demikianlah juga bayaran upah yang dikenakan.²⁷

Dalam industri takaful, penyelewengan berkaitan isu upah boleh berlaku apabila para peserta tidak diberitahu dengan jelas tentang komisen dan caj tinggi yang dikenakan oleh operator takaful atas setiap sumbangan. Untuk memasarkan produk mereka, operator takaful melantik ejen-ejen khas yang menerima komisen tinggi yang dibayar terlebih dahulu. Akibatnya, perkara ini boleh membawa kepada kegagalan mendapat pulangan keuntungan kerana tiada nilai tunai yang dikumpulkan pada awal tahun. Pada masa yang sama, para peserta tidak diberitahu tentang caj atau yuran yang dikenakan atas sumbangan yang dibuat. Bahkan, kadang-kadang tiada penyata semasa dihantar kepada pelanggan menyatakan hasil terkumpul atau unit-unit NAU dalam akaun pelaburan. Aplikasi ini jelas bercanggah dengan konsep upah sebagaimana dijelaskan di atas.

Upah dalam model *mudharabah*

Apa yang dinyatakan sebelum ini ialah isu upah atau caj yang dikenakan ke atas pengurusan dana takaful berkonsepkan model wakalah. Dalam

model *mudharabah* ini secara umumnya tidak disepakati oleh para fuqaha. Kebanyakan fuqaha tidak membenarkan sebarang upah untuk pengurusan *mudharabah* kerana pengusaha atau *mudharib* telah mendapat bahagian daripada keuntungan yang diperolehi mengikut nisbah perkongsian keuntungan. Jika pengusaha mengambil upah bermakna dia mengambil keuntungan tambahan daripada *mudharabah*. Oleh itu Imam Syafie tidak membenarkan *mudharib* menggunakan modal *mudharabah* untuk tujuan perbelanjaan harian kecuali setelah mendapat persetujuan daripada pemodal.²⁸ Fuqaha mazhab Hanafi serta Imam Malik. Sungguhpun mengharuskan pengambilan wang *mudharabah* ini, mereka mengehadkannya pada situasi *mudharib* yang berada dalam perjalanan perniagaan di luar negerinya sendiri, atau untuk perbelanjaan tujuan *mudharabahnya* sahaja.²⁹

Disebut dalam piawaian AAOFI bahawa gabungan antara perkongsian keuntungan dengan caj bayaran oleh *mudharib* adalah beranggah dengan prinsip mudharabah. Caj dibenarkan untuk perkhidmatan lain yang tiada kaitan dengan *mudharabah* dan dipersetujui bersama dalam satu kontrak yang berasingan.³⁰

Kesilapan-kesilapan teknikal yang mungkin berlaku dalam pengendalian takaful

1. Tumpuan diberikan kepada akad *tabarru'* sahaja sebagai konsep asas takaful tanpa dinyatakan sama ada semua sumbangan ialah *tabarru'* penuh seperti takaful berkumpulan dan takaful am ataupun *tabarru'* pelaburan seperti takaful keluarga.
2. Tidak membezakan antara *mu'awadah* dengan *tabarru'*. *Mu'awadah* dalam takaful melibatkan dua akad:
 - a. Upah ke atas pengurusan urusan takaful termasuk menerima premium dan membayar tuntutan pampasan (الوکالة على العمل).
 - b. Upah atas pengurusan pelaburan bagi akaun khas peserta dan juga pelaburan dana tabung *tabarru*. Manakala *tabarru'* dan *ta'awun* pula adalah antara peserta takaful.

3. Tidak disebut kadar upah yang dikenakan oleh pengendali takaful pada kedua-dua keadaan (a) dan (b) di atas. Perlu diingat bahawa ia ialah akad *mu'awadhab* yang mana kewujudan jahalah (ketidaktahuan) harga/caj boleh menjaskan kesahihannya. Upah atas kerja yang dikenakan oleh pengendali takaful tidak boleh disamakan dengan pengurusan wakaf atau harta anak yatim. Ini kerana pengurusan wakaf dan harta anak yatim bukan bertujuan untuk mengambil untung daripada upah pengurusan, sebaliknya syarikat takaful bertujuan menjana keuntungan daripada upah yang dikenakan. Maka perlulah dijelaskan kepada peserta takaful jumlah atau kadar upah yang dikenakan.
4. Peserta hanyalah dimaklumkan tentang jumlah manfaat yang diperolehi dan jumlah simpanan serta keuntungan pelaburan daripada simpanan akaun khas peserta. Kadang-kadang tidak ditekankan bahawa kadar keuntungan (kebiasaannya 5.5%) hanyalah jangkaan dan bukan yang sebenar.
5. Tidak membezakan antara dua akaun: akaun syarikat dengan akaun *tabarru'* peserta.
6. Tidak dinyatakan dalam sijil takaful bahawa syarikat pengendali takaful bertindak memberi perlindungan/membayar pampasan mewakili tabung *tabarru'* yang pada masa yang sama ia mewakili semua peserta lain untuk beriltizam memberi perlindungan/ manfaat tertentu ketika musibah.
7. Tidak membezakan antara lebihan dan keuntungan pelaburan daripada tabung *tabarru'*.
8. Tidak dinyatakan dengan jelas pembahagian lebihan, khasnya bagi model wakalah sama ada dikongsi antara peserta dengan pengendali takaful (tentang nisbah perkongsian) ataupun kepada peserta sahaja ataupun dikembalikan kepada tabung *tabarru'*. Di sini persetujuan peserta sangatlah penting dan ia dianggap sebagai syarat yang dipersetujui.

Kesimpulan dan cadangan

1. Prinsip *tabarru'* ialah konsep asas kepada takaful yang membezakannya daripada insurans konvensional.
2. Untuk bahagian sumbangan *tabarru'* pula, ia boleh dibahagikan kepada *tabarru'* berpatutan (*partial*) ataupun *tabarru'* sepenuhnya, dan ia perlu dinyatakan di dalam kontrak. *Tabarru'* keseluruhan boleh diaplikasikan kepada takaful (umum). Pemegang polisi tidak menjangkakan sebarang pulangan daripada jumlah sumbangan keseluruhan seperti MRTT (Takaful Gadai Janji Berkurangan). Walaupun begitu, dalam sesetengah produk takaful, ia juga boleh dianggap sebagai sumbangan berpatutan (*partial*). Dalam hal ini, peserta layak mendapat pulangan/pembahagian lebihan risiko/tabung *tabarru'* selepas pemotongan jumlah bayaran tuntutan, pengimbangan lebihan (*reserves*) dan kos-kos pengurusan tabung yang telah ditetapkan.
3. Operator takaful boleh mengenakan yuran yang berpatutan³¹ untuk unit *tabarru'* yang boleh dianggap sebagai usaha bukan komersil (*non commercial venture*). Untuk unit pelaburan operator takaful boleh mengenakan yuran sama ada sebagai broker atau pengurus tabung pelaburan, ataupun berkongsi keuntungan dengan ahli-ahli pelabur.
4. Dalam pengendalian bisnes takaful, sama ada dilaburkan jumlah sumbangan atau dikendalikan tabung *tabarru'*, kontrak yang diguna ialah kontrak *mu'awadhbah* di mana operator takaful mengenakan caj atas perkhidmatan yang disediakan bagi mengendalikan tabung pada amnya dan secara khususnya (tabung *tabarru'*) mengikat hukum *ijarah*. Ini juga bertepatan jika operator menjadi *mudharib* yang melaburkan sumbangan peserta-peserta. Oleh itu, tiada tolak ansur untuk elemen kesamaran.
5. Dicadangkan wujud Perjanjian Asas Takaful ataupun Produk Takaful Pelaburan (*investment links takaful*), diikuti dua kontrak berasingan, kontrak pelaburan dan kontrak *tabarru'*. Ia perlu dimasukkan dalam borang permohonan. Operator atau ejennya perlu mengeluarkan penyata prospektus pelaburan kepada orang ramai terutamanya para pelabur.

6. Jika dari awal lagi, produk dicipta untuk tujuan pelaburan, dicadangkan supaya kontrak yang diguna ialah kontrak pelaburan sama ada ianya *wakalah bi al istithmar* atau *mudharabah* mestilah dijadikan kontrak asas, manakala akad *tabarru'* yang tujuannya mendapatkan perlindungan melalui kerjasama *tabarru'* dijadikan kontrak tambahan. Pengasingan kedua-dua kontrak mestilah jelas. Dengan itu, jumlah nilai untuk pelaburan, jumlah untuk *tabarru'* serta caj yuran sebagai upah pengurusan yang dikenakan dapat dinyatakan dengan jelas.

Nota Hujung

1. Abd Sattar Abu Ghuddah, (2008), *Buhuth fi al Mu'amalat wa al-Asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah, Jld. 9, hlm 276.
2. AAOIFI Standard, Standard no. 26/2.
3. Perlu juga disebutkan di sini bahawa tidak semua para pengkaji bersetuju bahawa kontrak asas takaful berasaskan *tabarru'*. Yusuf al Shubayli berpendapat bahawa kontrak asas takaful bukan *tabarru'* atau *mu'awadhabah*, tetapi ia adalah satu kontrak baru iaitu kontrak *ta'awun* (bekerjasama dan tolong menolong). Penulis berpendapat tidak ada sebarang hujah yang kuat untuk membezakan antara *tabarru'* dan *ta'awun*. Secara realitinya, asas kontrak dalam takaful ialah *tabarru'* yang diaplikasikan untuk mencapai tujuan *ta'awun*. Yusuf al Shubayli, "Muqaranah Bayna Nizam al Waqf Wa al Ta'aamin al Takafuli", International Conference on Cooperative Insurance in the Framework of Wakf, 4-6 Mac 2008, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 7-8.
4. Abd Sattar Abu Ghuddah, *Buhuth fi al Muamalat..* Jld. 9, hlm 277.
5. *Al-Lu'lū' wa al Marjan*, hadis no. 1626. Amalan ini juga dikenali sebagai *al-nihd* (النهد) atau *al-munahadah* (المناهدة). Ulama bersepakat bahawa penukaran nilai atau pampasan dalam *al-nihd* walaupun tidak sama rata, ia tidak menjadi riba, kerana ia bukan kontrak *mu'awadhabah*, tetapi kontrak *tabarru'* yang bersifat unilateral. Ibnu Hajar al 'Asqalani menjelaskan: "Dilihat bahawa amalan ini pada mulanya seperti hanya dibenarkan semasa musafir, tetapi semua ulama kemudiannya bersepakat bahawa melaksanakan transaksi yang bersifat kerjasama seperti ini dibenarkan walaupun bukan pada keadaan musafir, sepertimana yang dilakukan oleh Al Asya'ariyyin. Ibnu Hajar, *Fath al Bari*, jld.5, hlm129.
6. Abd al Sattar Abu Ghuddah, (2002), *Buhuth fi al Muamalat wa al Asalib al Masrafiyyah al Islamiyyah*, Dallah al Barakah Group, jld.2, hlm343-344.
7. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, ibid., jld. 2, hlm340-341.
8. Terdapat sebahagian ulama kontemporari yang menganggap bahawa *takaful* berasaskan konsep hibah dengan syarat balasan. Pendapat ini tertolak kerana hibah dengan syarat balasan berlainan daripada *takaful*. Dalam hibah, kadang-kadang tiada langsung unsur kerjasama dan tolong-menolong, sedangkan ia ialah asas *takaful*. Bahkan matlamat sebenar

hibah dengan syarat balasan adalah untuk mendapatkan balasan, yang menyebabkannya hampir sama dengan jual beli. Para fuqaha berselisih pendapat pada masalah hibah dengan syarat balasan. Imam Abu Hanifah dan Malik mengharuskannya kerana ia bukan merupakan *bai' majhul* (jual-beli barang yang tidak diketahui harganya) di mana Imam Malik menjadikan adat yang berlaku sebagai syarat yang mengesahkan bentuk muamalah ini. Maknanya balasan kepada hibah secara adatnya mestilah setimpal dengan nilai hibah. Imam al-Syafie, Abu Dawud, dan Abu Thaur melarangnya kerana ia ialah *bai' majhul*. *Bidayat Al Mujtahid* jld.2, hlm537.

9. Tahrir al-Kalam fi Masail al-Iltizam, dipetik daripada *Fath al-'Ali al-Malik*, jld.1, hlm 217-219.
10. Abd al Sattar Abu Ghuddah, (2002), *Buhuth fi al Muamalat wa al Asalib al Masrafiyyah al Islamiyyah*, Dallah al Barakah Group, jld.2, hlm 343-344.
11. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, *Nizam al-Ta'min al Takafuli Min Khilal al Waqf*, International Conference on Cooperative Insurance in the Framework of Wakf, 4-6 Mac 2008, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 7.
12. *Fath al-Qadir*, jld.6, hlm19, *Mawahib al-Jalil*, jld.6, hlm21, al-Insaf li al-Mawardi jld.7, hlm11, sahih al-bukhari, kitab al wasaya, bab 31, dan lihat: kajian oleh Syeikh Muhammad Taqi al Uthmani yang dihantar untuk Nadwah al Barakah ke-26.
13. Diriwayatkan oleh al-Tarmizi dan al-Nasa'i, *al-Fataawa al-Hindiyyah*, jld.2, hlm 398, al-Mughni li-Ibni Qudamah jld.6, jld.193, dinukilkhan daripada Abd al-Sattar Abu Ghuddah, 2008, *Buhuth fi al-Muamalat wa al-asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, jld.9, Dallah al-Barakah Group, hlm 285-289.
14. Al-Fatawa al-Hindiyyahm, jld. 2, hlm460, al-Khaniyyah, jld.3, hlm 291 dinukilkhan daripada Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (2008), *Buhuth fi al-Muamalat wa al-asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*, Jld.9, Dallah al-Barakah Group, hlm 285-289.
15. Ibn Qudamah, al-Mughni, jld.6, hlm214.
16. Abd al-Sattar Abu Ghuddah, (2008), jld. 9, hlm 287.
17. Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institution, 1424-5H/2003-4, Manama, Bahrain, Jun 2003, Financial Accounting Standards for Investment Fund, hlm 422.

18. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&prinr=1>.
25 April 2009.
19. Issues in Regulation and Supervision of Takaful, Islamic Financial Services Board (IIFSB), dan International Association of Insurance Supervisors (IAIS), Ogos 2006, klaus 9.
20. AAOIFI menetapkan bahawa syarikat pengendali takaful tidak berhak berkongsi lebihan dana. Lebihan dana *tabarru'* hanya boleh dibahagikan kepada peserta takaful, ataupun dikekalkan di dalam dana untuk menguatkananya ataupun dibahagikan kepada mana-mana tujuan kebajikan. Sila rujuk AAOIFI Standard, Piawaian Takaful, piawai 26/5/5.
21. Temuramah penulis dengan Abd al Sattar Abu Ghuddah, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 6 Mac 2008.
22. Al-Tirmizi telah meriwayatkan hadis ini secara marfu' dari Abu Hurairah. Lafaz hadis ini ialah:

(عن أبي هريرة نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن بيعتين في بيعة)

Maksudnya: "Rasulullah SAW melarang perlaksanaan dua transaksi dalam satu jual beli". Ibn Hajar al Haithami, *Majma' al Zawai'd*, jld.4, hlm84-86.
23. Tafsiran yang masyhur ialah memeterai satu kontrak yang mengandungi dua kaedah bayaran iaitu bayaran tertunda dengan harga yang lebih tinggi dan bayaran tunai dengan harga yang lebih rendah. Kontrak itu dimeterai tanpa diputuskan terlebih dahulu kaedah bayaran yang dipilih. Terdapat di kalangan ulama kontemporari yang membuat kesimpulan bahawa tegahan dalam kontrak seumpama ini kerana kaitannya dengan riba dan kesamaran atau jahalah. Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, Kajian Semula Fatwa Yang Dikeluarkan, Sempena Simposium Al Baraka Banking Group, Simposium ke-29 Dallah Al Baraka tentang Ekonomi Islam, 6-7 September 2008, hlm. 216-217.
24. Nazih Hammad, (2001), *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah Fi al-Mal wa al-Iqtisad*, Dimasq, Dar al Qalam, hlm 262.
25. Ibid.
26. Kontrak wakalah pada asalnya tidak mengikat pihak-pihak yang berakad. Tetapi kerana ia mengandungi unsur upah, wakalah ini telah mempunyai kekuatan mengikat pihak-pihak yang berakad. Hukumnya adalah harus. Al Nawawi, *Raudat al-Talibin*, jld.4, hlm332, Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, ibid., hlm223-224.

27. Ibid., hlm 223-224.
28. Al-Syiraazi, *al-Muhazzab*, jld.1, hlm.386.
29. Al-Sarakhsyi, *al-Mabsut*, jld.22, hlm63.
30. AAOFI standard no. 8, hlm2.
31. Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, *al-Ta'min al Islami*, hlm330-331.

Rujukan

- Abd al-Sattar Abu Ghuddah. (2002). *Buhuth fi al-mu'amalat wa al-asalib al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah Group, jld.2.
- _____. (2005). *Al-Ta'min al-Islami Dirasat Fiqhiyyah Ta'siliyyah*, Lubnan: Dar al-Basha'ir,
- _____. 2008. *Buhuth fi al-mu'amalat wa al-asalib al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, Dallah al-Barakah Group, jld.9.
- _____. “*Nizam al-ta'amin al-takafuli min khilal al-waqf*”, International Conference on Co-operative Insurance in the Framework of Wakf”, 4th-6th March 2008, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdullah bin Muhamad bin Ahmad Tayyar, *al-Bunuk al-Islamiyyah baina al-nazariah wa tatbiqat*.
- Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions, 1424-5H/2003-4, Manama, Bahrain, Jun 2003, Financial Accounting Standards for Investment Fund.
- Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions (2003-2007), Manama, Bahrain, Financial Accounting Standards for Investment Fund.
- Ali Muhyiddin Qurrah Daghi, Review of Fatwas Issued During Al-Baraka Banking Group Symposium, Dallah al-Baraka 29th symposium on Islamic Economics, 6-7 September 2008.
- Al-Nadawi, Ali Ahmad, *Jamharatul al-qawaaid al-fiqhiyah fi al-muamalat al-maliyah*.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din ibn Sharaf,(1992), (d. 76 AH/1277 CE). *Raudat al-talibin*, Beirut: Dar al-kutub al-ilmiyyah.

- Al-Sarakhsî, Shams al-Dîn Muhammad ibn Ahmad (d. 483 AH/1090 CE)
al-Mabsut. Beirut: Dar al-Mâ'rifa, 1406 AH.
- Al-Shirazi, Abu Ishak Ibrahim ibn Ali ibn Yusuf, (1996) (d. 475 AH/1083 CE),
al-Muhazzab Ed. Muhammad al-Zuhayli. Beirut: al-Dar al-Shamiyya.
- Al-Tirmidhi, Abu Isa, *al-Sunan*, with *Tuhfat al-ahwazi* Muhammad Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, no. date.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali and P.Odierno, Hassan Scott, (2008) "Essential Guide to Takaful" Kuala Lumpur: Centre for Research and Training.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar (d. 1197 AH/1783 CE). *Hashiat radd al-muhtar*. Beirut: Dar al-Fikr, 1387 AH.
- Ibn Hajar, Ahmad ibn Ali al-Asqalani, (1405H), (d. 852 AH/1448 CE), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad al-Maqdisi, (1405H), (d. 620 AH/1223 CE) *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Issues in Regulation and Supervision of Takaful, Islamic Financial Services Board (IFSB) and International Association of Insurance Supervisors (IAIS)**, August 2006.
- Nazih Hamad. (2001). *Qadaya fiqhîyyah mu'asarah fi al-mâl wa al-iqtisâd*, Damascus, Dar al-Qalam.
- Sâ'du al-Jurf. (2009). *Taqwim anzimah wa wathâ'ik al-tâ'min al-tâ'auni*, Multaqa al-Ta'min, Riyadh.
- Sheikh al-Islam Ibn Taymiyyah Ahmad ibn Abd al-Halim. (1991). *Majmu' al-Fatawa*. Ed. Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Qasim al-Najdi. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Yusuf al-Shubayli. "Muqaranah bayn nizam al-waqf wa al-tâ'min al-takafuli" International Conference on Co-operative Insurance in the Framework of Wakf", 4th-6th March 2008, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- <http://www.ambg.com.my/personal/depositinvestments/fdinvestments/amheightakafulinvestmentlinkedp>.
- http://www.alislami.ae/en/personalbanking_takafulprogramme.htm., and
<http://www.takaful-ikhlas.com.my/familyTakaful/basis> Premier investment linked asp. Accessed 20/04.09

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&print=1>.
accessed on 25th April 2009

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=8&pg=14&ac=1511&print=1>.
Accessed on 25th April 2009.

http://www.takafulmalaysia.com/V5/index.php?option=com_content&task=view&id=24&Itemid=161.